

Perbahasan Isu Isra'iliyyat dalam Corpus *al-Isra'iliyyat wa al-Mawdu'at fi Kutub al-Tafsir* oleh Shaykh Abu Shahbah (1914-1983)

Ahmad Yunus Mohd Noor¹ & Zahidah Zainal Abidin²

Email: ¹a_yunus@ukm.edu.my & ²zahidahalazhar@gmail.com

¹Pensyarah Kanan, Pusat Akidah dan Keamanan Global, FPI, UKM

Abstrak

Kitab *al-Isra'iliyyat wa al-Mawdu'at fi Kutub al-Tafsir* merupakan sebuah karya agung Shaykh Abu Shahbah. Karya ini merupakan salah satu usaha dalam membersihkan karya-karya tafsir daripada penyelewengan unsur luaran yang menempel al-Quran (*al-dakhil*) dengan fokus utama perbahasannya ialah penelitian semula riwayat cerita-cerita israiliyyat dan hadith palsu (*Mawdu'*) yang terdapat di dalam tafsir al-Quran. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis kaedah perbahasan israiliyyat yang digunakan oleh Shaykh Abu Shahbah dalam karya ini. Kajian ini juga akan melihat secara ringkas latarbelakang ketokohan Shaykh Abu Shahbah sebagai seorang ahli hadith yang disegani. Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif berasaskan analisis kandungan. Karya *al-Isra'iliyyat wa al-Mawdu'at fi Kutub al-Tafsir* oleh Shaykh Abu Shahbah dijadikan sebagai sumber primer manakala data-data sumber sekunder yang relevan berkaitan kajian dikumpul menggunakan instrumen analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan Shaykh Abu Shahbah fokus pada penelitian riwayat israiliyyat dari segi sanad dan matan dengan memasukkan dalam penulisannya sebilangan besar kisah-kisah israiliyyat dan riwayat-riwayat hadith palsu yang terkandung di dalam karya-karya tafsir dengan perbahasan secara teliti dan mendalam. Kaedah yang digunakan oleh Shaykh Abu Shahbah ini bersifat ilmiah dan akademik sesuai dengan sasaran pembaca dari golongan ilmuwan dan penuntut ilmu.

Kata Kunci: Metodologi, Shaykh Abu Shahbah, Kisah Israiliyyat, Hadith *Mawdu'*

Debate on Isra'iliyyat Issue in Corpus *al-Isra'iliyyat wa al-Mawdu'at fi Kutub al-Tafsir* oleh Shaykh Abu Shahbah (1914-1983)

Abstract

Al-Isra'iliyyat Wa al-Mawdu'at Fi Kutub al-Tafsir is a great corpus of Shaykh Abu Shahbah. This corpus is one of the efforts to clear-up exegesis from external element distortion for using Quranic verses (*al-Dakhil*) with its main focus in the discussions are reviewing narrations of Isra'iliyyat stories and fabricated hadiths (*Mawduhu'*) contained in the Quranic Exegesis. Therefore, this study aims to analyse method of discussions used by Shaykh Abu Shahbah in his book. This study also will review shortly on his personal background as a respected expert of hadith. This study is a qualitative research which is based on content analysis. *Al-Isra'iliyyat Wa al-Mawdu'at Fi Kutub al-Tafsir* book by Shaykh Abu Shahbah used as primer resource while other relevant secunder resources are gathered using document analysis instrument. Results show that Shaykh Abu Shahbah focused on reviewing the narration of Isra'iliyyat stories based on *sanad* and *matan* which implemented in his writing by a number of Isra'iliyyat stories narrations and fake hadiths narrations which was occupied in previous exegesis books and discuss it in details. This method is an academic method and knowledgeable which is suitable for targetted readers who are from groups of intellectuals and knowledge seekers.

Keywords: Methods, Shaykh Abu Shahbah, Isra'iliyyat Stories, Fabricated Hadiths

1. Pengenalan

Penghayatan pemahaman al-Quran mampu memandu manusia kepada kebenaran dan mengelakkan manusia daripada terjerumus ke dalam kesesatan. Malangnya, sebahagian karya penulisan berkaitan kisah-kisah al-Quran telah menyalahi metodologi penulisan sama ada dengan niat baik atau sebaliknya, mereka telah mempersembahkan kepada para pembaca dengan himpunan kisah-kisah al-Quran secara terperinci yang diambil dari riwayat-riwayat yang palsu dan batil yang mana kesemuanya adalah daripada sumber Isra'iliyyat Bani Israil (al-Khalidi 2007: 31).

Isra'iliyyat merupakan perkataan *jama'* dari *mufrad* إسرائيلية yang dinisbahkan kepada Bani Isra'il. Pengertiannya dalam bahasa Ibrani bermaksud hamba Allah dengan penggabungan *Isra* yang bermaksud hamba manakala *il* bermaksud Allah (Abu Shahbah 2006: 13). Pentafsiran al-Quran dengan bantuan maklumat dari Ahli Kitab inilah dinamakan sumber Isra'iliyyat (Musa'id Muslim 1980: 80). Mohd Zaydi Abdullah (2000: 135) menukilkan penjelasan daripada Shaykh Ahmad Zain al-Fatani yang menyatakan bahawa kitab Taurat dan Injil yang wujud kini hanyalah penulisan karya manusia bukan kata-kata Allah yang diturunkan kepada para rasul terdahulu.

Penulisan Isra'iliyyat di dalam kitab-kitab tafsir telah menimbulkan kerisauan dan kebimbangan para sarjana Islam sama ada pada zaman *salaf* mahupun *khalaf*. Dalam usaha menangani penyusupan Isra'iliyyat dan hadith palsu dalam karya-karya tafsir, pelbagai cadangan dan pendapat telah diutarakan oleh ulama' dan ilmuan Islam. Salah satu cara menangani Isra'iliyyat yang disepakati ialah penghasilan karya bertemakan Isra'iliyyat secara khusus yang dapat dimanfaatkan melalui penyebaran dan pengajaran (Husayn al-Dhahabi t.th: 170; Abu Shahbah 2006: 10; Rozali Adam 1985: 185). Perbincangan Isra'iliyyat yang berterusan dari pengkajian klasikal sehinggalah moderniti menunjukkan perbincangan Isra'iliyyat ini merupakan suatu perbincangan yang penting dan menjadi tuntutan semasa (Ishak Hj. Sulaiman 1998: 2).

Menurut kajian Ramzi Nanaah (1970: 8) perbincangan Isra'iliyyat secara khusus bertemakan istilah 'Isra'iliyyat' baru bermula pada zaman kontemporer dalam pengkajian ilmu tafsir dan ilmu sejarah. Burhan Abidi (2013: 3) merekodkan bahawa kitab *al-Isra'iliyyat Wa al-Mawdu'at Fi Kutub al-Tafsir* karya Shaykh Abu Shahbah dikatakan sebagai karya kontemporer yang paling terbaik dalam perbincangan Isra'iliyyat. Kitab ini diangkat menjadi silibus bagi peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran di Universiti al-Azhar (Ibrahim Isa t.th). Kitab ini juga telah diterjemahkan oleh beberapa penterjemahan seperti Malaysia dan Indonesia. Justeru, kajian ini berusaha mengkaji metodologi yang digunakan oleh Shaykh Abu Shahbah dalam perbincangan Isra'iliyyat.

2. Latarbelakang Shaykh Abu Shahbah

Beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Suwailim Abi Shahbah (Abu Shahbah 2014: 343). Digelar dengan Abu Sadat, dilahirkan di kampung Manyah Junah, Markaz Dasuq cawangan Kafr al-Syeikh berdekatan dengan Sungai Nil, Mesir pada 25 Syawal 1332H bersamaan 15 September 1914M (al-'Alawanah 1998: 198). Seorang pakar Hadith dan 'Ulum al-Quran daripada Mesir (Nizar Abazah dan Muhammad Riyad al-Malih 1999: 266-267).

Beliau ialah seorang penuntut ilmu yang sentiasa bersungguh-sungguh dan tidak kenal erti lelah dalam belajar. Buktinya dapat dilihat pada kejayaan beliau dalam keberhasilan menjadi graduan degree (*allisans*), master (*Dirasat 'Ulya*) dan phd dengan pangkat sangat cemerlang (*muntaaz*) dari Jabatan Usuluddin dalam jurusan pengkhususan Tafsir dan Hadith, Universiti al-Azhar (Nizar Abazah dan Muhammad Riyad al-Malih 1999: 266-267; Mustafar Mohd Suki 2016: 49; Burhan Abidi 2013).

Beliau ialah salah seorang tenaga pengajar di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar (Mustafar Mohd Suki 2016: 49). Pada awalnya, beliau berkhidmat sebagai tenaga pengajar di Fakulti Usuluddin kemudian dinaikkan pangkat menjadi pembantu pensyarah (Nizar Abazah dan Muhammad Riyad al-Malih 1999: 266-267). Seterusnya, beliau dinaikkan pangkat sebagai profesor dalam bidang Tafsir dan Hadith di peringkat pengajian tinggi (*Dirasat 'Ulya*) dan dipilih sebagai dekan di situ kemudian, beliau juga pernah dilantik sebagai dekan dan pensyarah

di Fakulti Usuluddin, Asyut iaitu cawangan fakulti pertama bagi Universiti al-Azhar di Mesir (al-‘Alawanah 1998: 198; Burhan Abidi 2013).

Khidmat beliau dalam mengajar tidak terhenti hanya di negaranya, Mesir bahkan turut pernah berkhidmat di negara arab sekitarnya. Antaranya Saudi di Fakulti Syariah, Institusi Tinggi Saudi (*Ma’ahad al-‘Ali al-Saudi*), Fakulti Syariah di Universiti Raja Abdul Aziz, Makkah dan mengajar bidang Tafsir dan Hadith di Universiti Umm al-Qura, Makkah (Nuruddin ‘Itr 2003:7; Burhan Abidi 2013: 2). Beliau juga pernah dihantar ke Fakulti Syariah di Baghdad serta Universiti Umm Durman Islamiyyah di Sudan (al-‘Alawanah 1998: 198).

Antara karya yang beliau hasilkan ialah:

Bil	Nama Karya
1	<i>al-Madkhal li Dirasah al-Qur’an al-Karim</i>
2	<i>al-Isra’iliyyat wa al-Mawdu’at Fi Kutub al-Tafsir</i>
3	<i>al-Difa’an al-Sunnah wa Rad Syubhah al-Mustasyriqin wal Kitab al-Mu’asirin</i>
4	<i>A’lam al-Muhaddisin</i>
5	<i>‘Ulum al-Hadith, al-Ta’rif Bi Kutub al-Hadith al-Sittah</i>
6	<i>al-Wasit Fi ‘Ulum al-Hadith</i>
7	<i>al-Mukhtar Min Sohih Muslim</i>
8	<i>al-Wad’u Fi al-Hadith Asbabuhu Wa Amaratuha</i>
9	<i>al-Sirah an-Nabawiyyah Fi Dhau’ al-Qur’an Wa al-Sunnah</i>
10	<i>al-Hudud Fi al-Islam Wa Muqaranatuha Bil Qawanin al-Wadh’iyyah</i>
11	<i>Nazroh al-Islam Ila al-Riba: al-Musykilah Wa Haluha</i>

Sumber: Nizar Abazah dan Muhammad Riyad al-Malih 1999: 266-267

3. Pengenalan Kitab *al-Isra’iliyyat Wa al-Mawdu’at Fi Kutub al-Tafsir*

Kitab *al-Isra’iliyyat Wa al-Mawdu’at Fi Kutub al-Tafsir* sebuah karya yang kaya dengan pelbagai sumber rujukan. Rujukan beliau lebih menjurus kepada pengambilan dari pandangan ulama’ dan *huffaz* hadith serta imam-imam pengkritik yang menjadi sandaran dalam menyatakan kesahihan dan kedaifan hadith bahkan, beliau turut mengambil pandangan bukan dari kalangan ulama hadith, akan tetapi turut menolak Isra’iliyyat dan hadith-hadith palsu dari sudut pandangan akal dan kajian sains serta teori-teori ilmiah baru (Abu Shahbah 2006: 11). Sebagai amanah ilmu, setiap rujukan dinyatakan sumber pengambilan kerana bukan dari sifat beliau mendapat nama dan kedudukan tinggi sesuatu yang bukan miliknya (Abu Shahbah 2006: 324). Berikut ialah senarai rujukan beliau dalam kitab ini:

Bil	Kitab Rujukan	Pengarang
1	<i>Al-Tafsir Wa al-Mufasssirun</i>	Husayn al-Dhahabi
2	<i>Ulum al-Hadith</i>	Ibn Solah
3	<i>Syarah Muslim</i>	Al-Nawawi
4	<i>Tazkirah al-Huffaz</i>	al-Dhahabi
5	<i>Mizan al-I’tidal</i>	al-Dhahabi
6	<i>Bahr al-Muhit</i>	Abi Hayyan
7	<i>Al-Burhan</i>	Al-Zarkasyi
8	<i>Lisan al-Mizan</i>	Ibn Hajar
9	<i>Tahzib al-Tahzib</i>	Ibn Hajar
10	<i>Isobah</i>	Ibn Hajar
11	<i>Fathul Bari</i>	Ibn Hajar

12	<i>Al-Itqan</i>	Al-Suyuti
13	<i>Risalah Usul al-Tafsir</i>	Al-Suyuti
14	<i>Tadrib al-Rawi</i>	Al-Suyuti
15	<i>Ahadith Maudhu'ah</i>	Al-Suyuti
16	<i>Dur al-Manthur</i>	Al-Suyuti
17	<i>Tafsir Jalalin</i>	Al-Suyuti
18	<i>Manhaj al-Furqan</i>	Muhammad Ali Salamah
19	<i>Manahil Urfan</i>	Al-Zarqani
20	<i>Tafsir Ruh al-Ma'ani</i>	Alusi
21	<i>Al-Bidayah Wa al-Nihayah</i>	Ibn Kathir
22	<i>Tafsir Ibn Kathir</i>	Ibn Kathir
23	<i>Ba'ith al-Hathith</i>	Ibn Kathir
24	<i>Tafsir al-Baqhawī</i>	Al-Baqhawī
25	<i>Misbah al-Munir</i>	Al-Fuyumi
26	<i>Tafsir Al-Qurtubi</i>	Al-Qurtubi
27	<i>A'lam al-Muhaddithin</i>	Abu Syahbah
28	<i>Qamus Muhit</i>	Fairuz Abadi
29	<i>Ulum Hadith Syarah</i>	Al-Iraqi
30	<i>Nazhat al-Nazar</i>	Nuruddin Atar
31	<i>Muqaddimah Usul Tafsir</i>	Ibn Taimiyyah
32	<i>Dhuha al-Islam</i>	Ustaz Ahmad Amin
33	<i>Fajar Islam</i>	Ustaz Ahmad Amin
34	<i>Tafsir al-Ahlam</i>	Al-Sodiq
35	<i>Al-Farqū baina Firaq</i>	Al-Baghdadi
36	<i>Tabsir Fi al-Din</i>	Abu Ishak
37	<i>Muqaddimah Ibn Khaldun</i>	Ibn Khaldun
38	<i>Maqalat al-Kauthari</i>	Al-Kauthari
39	<i>Tafsir Manar</i>	Rashid Redha
40	<i>Dibt al-A'lam</i>	Taimur Basha
41	<i>Mu'jam al-Adba'</i>	Yaqut al-Hamwi
42	<i>Al-Tafsir Wa Rijaluhu</i>	Ibn Asyur
43	<i>Tafsir al-Razi</i>	Fakhruddin al-Razi
44	<i>Tafsir Abi Sa'ud</i>	Abi Sa'ud
45	<i>Tafsir al-Tabari</i>	Imam al-Tabari
46	<i>Tafsir al-Kasyaf</i>	Imam Zamakhshari
47	<i>Syarah al-kasyaf</i>	Al-Zaila'i
48	<i>Ta'wil Mukhtalif Hadith</i>	Ibn Qutaibah
49	<i>Al-Shifa'</i>	Qadhi Iyadh
50	<i>Mu'jam Ausat</i>	Al-Tabrani
51	<i>Tahafut al-Falasifah</i>	Imam al-Ghazali
52	<i>Majma' al-Zawaid</i>	Al-Haithami
53	<i>Sunan Allah al-Kauniyyah</i>	Dr. Ghamrawi

54	<i>Manahij al-Sunnah</i>	Ibn Taimiyyah
55	<i>Hayat Muhammad</i>	Dr. Haikal
56	<i>Nawadir al-Usul</i>	Al-Tirmizi
57	<i>Al-Maudhu'at</i>	Ibn Jauzi
58	<i>Kashfu Khafa'</i>	Ismail 'Ajluni

Sumber : Analisis Pengkaji 2017

Kitab ini disusun tanpa pembahagian bab mahupun fasal, tetapi susunan antara tajuk dengan tajuk seterusnya mempunyai kesinambungan antara satu sama lain. Sungguhpun begitu kitab *al-Isra'iliyyat Wa al-Mawdu'at Fi Kutub al-Tafsir* karya Shaykh Abu Shahbah ini dikatakan sebagai kitab yang paling terbaik dalam perbincangan Isra'iliyyat (Burhan Abidi 2013: 3).

Kitab ini dicetak pada tahun 1971 dan menjadi salah satu rujukan utama dalam perbincangan Isra'iliyyat (Rosmawati 2004: 10). Kitab ini diangkat menjadi silibus bagi peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran di Universiti al-Azhar (Ibrahim Isa Saidim t.th). Kitab ini juga telah diterjemahkan oleh beberapa penterjemahan seperti terjemahan Bahasa Malaysia; *Isra'iliyyat dan Hadis Palsu dalam Kitab-Kitab Tafsir* terbitan JAKIM (2014) dan terjemahan bahasa Indonesia, *Isra'iliyyat dan Hadits-Hadits Palsu Tafsir al-Quran* cetakan Keira Publishing (2014).

Di Malaysia, kitab ini menjadi rujukan dan panduan bagi penceramah dan ilmuan Islam di Malaysia untuk menyebarkan dakwah Islam dan mengekang penyebaran kisah-kisah Isra'iliyyat batil serta memberi penerangan dan penjelasan berkaitan Isra'iliyyat kepada masyarakat. Antaranya kuliah yang disampaikan oleh Abdul Basit Abdul Rahman (2014) mengenai peranan Yahudi dan orientalis menyebarkan Isra'iliyyat serta hukum meriwayatkan dan menyebarkan Isra'iliyyat. Begitu juga kuliah yang disampaikan oleh Mohd Asri Zainul Abidin (2012) mengenai sikap penceramah yang mencemarkan al-Quran dengan riwayat Isra'iliyyat dan hadith palsu. Kuliah yang disampaikan telah dirakam dan video-video kuliah dakwah mereka tersebar luas di media sosial dan mudah diakses melalui internet.

4. Metodologi Kitab *al-Isra'iliyyat wa al-Mawdu'at fi Kutub al-Tafsir* Karya Shaykh Abu Shahbah

Pengkaji menelusuri tumpuan utama perbincangan Isra'iliyyat dan melihat pada kaedah karya ini membahaskan fokus utamanya. Pengkaji mengetengahkan tiga tema iaitu kitab-kitab tafsir, kisah-kisah Isra'iliyyat dan hadith-hadith palsu. Tema ini dibentuk berdasarkan pada pembinaan tajuk kitab yang terbina atas tiga tema tersebut.

4.1 Kitab-Kitab Tafsir

Shaykh Abu Shahbah menyenaraikan beberapa kitab-kitab tafsir yang meriwayatkan sesebuah kisah Isra'iliyyat. Beliau akan melontarkan kritikan dan komentar terhadap manhaj karya-karya tafsir dalam penukilan kisah-kisah Isra'iliyyat. Contohnya, pada perbincangan kisah Isra'iliyyat Harut dan Marut yang disandarkan dengan tafsir ayat 102 dari surah al-Baqarah:

Maksudnya:

Mereka (membelakangkan kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya); kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut di negeri Babil (Babylon).

Pada penelitian kisah Harut dan Marut, Shaykh Abu Shahbah menyenaraikan beberapa kitab tafsir yang menukilkan kisah ini, antaranya; *Dur al-Manthur Fi al-Tafsir bil Ma'thur* karya Imam al-Suyuti, *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an* karya Imam al-Tabari, *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-Karim wa Sab'u al-Mathani* karya Imam al-Alusi, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* karya Ibn Kathir dan *Ma'alim al-Tanzil* karya al-Baghawi.

Shaykh Abu Shahbah meneliti dan mengkritik manhaj periwayatan Imam al-Suyuti. Menurut beliau, Imam al-Suyuti condong menyatakan kisah ini sahih kerana fanatik berpegang kepada kaedah semata-mata sehingga mengabaikan sudut pandang yang lain (Abu Shahbah 2006: 160). Shaykh Abu Syahbah menyokong pandangan Imam Abu al-Farraj al-Jauzi yang dinukilkan oleh Imam Alusi, pandangan Imam Ibn Kathir dan al-Baghawi yang menghukum kisah ini sebagai rekaan Bani Isra'il (Abu Shahbah 2006: 157). Penolakan ini disertai dengan bukti dari sudut *naqli* dan *'aqli*. Adapun Dari sudut *naqli*, telah diketahui dari *kalamullah* dan sabda Baginda SAW bahawasanya para malaikat itu maksum dan sentiasa taat perintah Allah s.w.t manakala dari sudut *'aqli*, kisah ini bertentangan dengan kejadian penciptaan yang telah Allah s.w.t tetapkan seperti planet dan bintang yang terdapat di angkasa (Abu Shahbah 1971: 158-159).

Berikut ialah karya-karya tafsir yang diteliti manhaj penukilan Isra'iliyyat oleh Shaykh Abu Shahbah:

KARYA TAFSIR	KARYA
<i>Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an</i>	Imam al-Tabari
<i>Dur al-Manthur Fi al-Tafsir bil Ma'thur</i>	Imam al-Suyuti
<i>Ma'alim al-Tanzil</i>	al-Baghawi
<i>Tafsir al-Qur'an al-'Azim</i>	Ibn Kathir
<i>al-kasyaf' an haqa'iq al-tanzil</i>	Zamakhshari
<i>Mafatih al-Ghaib</i>	al-Razi
<i>al-Jami' li Ahkam al-Quran :</i>	al-Qurtubi
<i>Irsyad al-'Aqlu al-Salim Ila Mazaya al-Quran al-Karim</i>	Abu Su'ud
<i>Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-Karim wa Sab'u al-Mathani</i>	Imam al-Alusi
<i>Tafsir al-Quran al-Hakim (al-Manar)</i>	Rashid Redha

Sumber: Analisis Pengkaji, 2017

Menurut Shaykh Abu Shahbah (2006: 324-328) sungguhpun beliau mengkritik para imam besar, beliau tetap mempertahankan kedudukan mereka sebagai ulama *mutaqaddimin* yang dimuliakan. Sepertimana pernyataan beliau:

إن هؤلاء السلف الصالح مهما كانت عليهم مؤاخذات ففضلهم عظيم وخيرهم كثير ونفعهم عميم

Maksudnya:

Biarpun para salaf itu melakukan kesalahan akan tetapi keutamaan mereka lebih besar, kebaikan mereka lebih banyak dan manfaat mereka lebih luas.

Kaedah yang digunakan oleh Shaykh Abu Shahbah berbeza dengan pendekatan yang digunakan oleh Shaykh Husayn al-Dhahabi dan selainnya. Shaykh Abu Shahbah sepertimana contoh di atas, beliau menghimpunkan senarai karya-karya tafsir yang menukilkan sesebuah riwayat Isra'iliyyat seterusnya akan dikritik riwayat kisah tersebut dan beliau akan memberi komentar secara umum manhaj penukilan Isra'iliyyat yang digunakan dalam karya tafsir tertentu. Berbeza dengan pendekatan Shaykh Husayn al-Dhahabi (t.th) dan Ramzi Na'na'ah

(1970) menjelaskan manhaj penukilan Isra'iliyyat dalam kitab-kitab tafsir yang terpilih satu persatu serta penerangan manhaj tersebut secara terperinci dan teliti.

4.2 Kisah-Kisah Isra'iliyyat

Kelebihan kitab ini ialah, Shaykh Abu Shahbah memulakan fokus perbincangan dengan menyenaraikan kisah-kisah Isra'iliyyat mengikut kategori masing-masing. Kemudian, beliau menukikan riwayat-riwayat dari kitab-kitab tafsir masyhur yang dikaitkan dengan kisah-kisah tersebut termasuklah riwayat yang *da'if* dan *Mawduh*. Seterusnya, beliau akan melakukan penelitian dan kajian dari sudut sanad dan matan sesuatu riwayat untuk mengenalpasti kesahihan kisah tersebut. Akhir perbincangan, beliau akan menenangkan hati pembaca dengan menyertakan pentafsiran yang sahih dari kisah yang dibincangkan.

Sebagaimana contohnya kisah Isra'iliyyat Harut dan Marut yang disandarkan pada pentafsiran al-Baqarah pada sebahagian ayat ke 102:

وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيْطِينُ عَلَىٰ مُلْكٍ سُلَيْمٍ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمٌ وَلَكِنَّ الشَّيْطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ
النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أُنزِلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ بِبَابِ هَرُوتَ وَمَرُوتَ

Menurut Abu Shahbah (1971: 156), ayat di atas telah ditafsirkan dengan riwayat-riwayat dari kisah Isra'iliyyat yang memenuhi sebahagian besar kitab-kitab tafsir, adapun salah satu riwayat menceritakan bahawa, terdapat dua malaikat yang diturunkan ke bumi untuk mencuba menjalani kehidupan seperti manusia berikutan para malaikat mencela sifat manusia yang sering mengingkari perintah Allah s.w.t, mereka itulah malaikat yang bernama Harut dan Marut dan dikisahkan dalam riwayat Isra'iliyyat bahawa kedua-dua malaikat tersebut akhirnya terjerumus dalam melakukan dosa akibat godaan kecantikan seorang wanita kemudian wanita tersebut diangkat ke langit dan bertukar menjadi planet zuhrah manakala, kedua-dua malaikat tersebut memilih untuk disiksa di dunia sehingga hari kiamat.

Kisah ini telah diteliti dari sudut sanad dan matannya. Kesimpulan dari Abu Shahbah (1971: 157-160) menunjukkan bahawa kisah ini tergolong dalam kisah-kisah khurafat Bani Isra'il dengan tiada pembuktian dan bertentangan dari segi akal, *naql* dan *syara'* kerana sesungguhnya sepertimana yang dijelaskan dalam al-Quran bahawa para malaikat itu maksum dan cakerawala planet-planet di langit sejak dari mula penciptaan telah wujud bukannya dari perubahan bentuk seorang wanita, bahkan, kisah khurafat ini tidak selari dengan *munasabah* ayat sebelum dan selepasnya.

Tafsir sebenar bagi ayat ini ialah bahawa pada zaman dahulu, syaitan suka mencuri maklumat daripada langit kemudian menokok tambah berita tersebut sebelum disampaikan kepada ahli sihir dalam kalangan manusia dengan menokok tambah menyatakan bahawa dengan ilmu sihir inilah Nabi Sulaiman a.s menguasai manusia, jin dan angin pada kegemilangan kerajannya (Abu Shahbah 1971: 160). Oleh itu, pengutusan Harut dan Marut ke bumi adalah untuk menjelaskan perbezaan antara perkara luar biasa yang diberikan kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kenabian (mukjizat) atau perkara luar biasa hasil pertolongan syaitan (sihir) dan sesungguhnya ilmu yang ada pada Nabi Sulaiman ialah kategori mukjizat. Ianya berbeza dengan ilmu sihir yang membinasakan (Abu Shahbah 1971: 162).

Berikut ialah senarai kisah-kisah Isra'iliyyat yang diteliti oleh Shaykh Abu Shahbah dalam karya ini:

رقم	قصص الإسرائيليات
١	قصة هاروت و ماروت
٢	إسرائيلية في المسوخ من المخلوقات
٣	بناء الكعبة: البيت الحرام و الحجر الأسود
٤	قصة التابوت

قصة داود عليه السلام عن قتل داود جالوت	٥
قصة داود عليه السلام عن نبأ الخضم	٦
قصة آدم عليه السلام عن فأزلهما الشيطان	٧
قصة آدم عليه السلام عن فتلقى آدم من ربه كلمات	٨
قصة آدم عليه السلام عن قول الشعر	٩
قصة آدم عليه السلام عن نسب الشرك الى آدم و حواء	١٠
عظم خلق الجبارين و خرافة عوج بن عوق	١١
قصة التيه	١٢
المائدة طلبها الحواريون	١٣
قصة موسى عليه السلام عن سؤال موسى ربه الرؤية	١٤
قصة موسى عليه السلام عن ألواح التوراة	١٥
قصة موسى عليه السلام عن سبب غضب موسى لما ألقى الألواح	١٦
إسرائيليات و خرافات في بني إسرائيل " وَمِنْ قَوْمِ مُوسَى أُمَّةٌ يَهُودُونا بِالْحَقِّ وَبِهِ يَعْدِلُونَ "	١٧
قصة نوح عليه السلام عن يصنع الفلك	١٨
قصة يوسف عليه السلام عن "ولقد هممت به وهم بما"	١٩
قصة يوسف عليه السلام عن رأى أحد عشر كواكب و الشمس و القمر "	٢٠
قصة يوسف عليه السلام عن الفرية على المعصوم	٢١
قصة يوسف عليه السلام عن السجن	٢٢
شجرة طوبى	٢٣
إفساد بني إسرائيل	٢٤
قصة أصحاب الكهف	٢٥
قصة ذى القرنين	٢٦
قصة يأجوج و مأجوج	٢٧
قصة سليمان عليه السلام عن ملكة سبأ	٢٨
قصة سليمان عليه السلام " وَإِنِّي مُرْسِلَةٌ إِلَيْهِمْ بِحَدِيثَةٍ فَتَاظِرَةٌ بِمَ يَرْجِعُ الْمُرْسَلُونَ "	٢٩
قصة سليمان عليه السلام عن "ألقينا على كرسیه"	٣٠
قصة الذبيح وأنه إسحاق	٣١
قصة إلياس عليه السلام	٣٢
قصة أيوب عليه السلام	٣٣
قصة إرم ذات العماد	٣٤

Sumber: Analisis Pengkaji, 2017

Kaedah yang digunakan berbeza dengan kitab-kitab (*qasas*) al-Quran selainnya yang hanya mengetengahkan kisah para nabi dan umat terdahulu dari riwayat-riwayat yang sahih untuk diambil pengajaran dan nilai-nilai murni. Kisah-kisah al-Quran ini sebahagian besarnya dikaitkan dengan Isra'iliyyat. Seperti kitab *Ma'a Qasas al-Sabiqin Fi al-Quran* karya al-Khalidi (2007), kitab *Qasas al-Quran* karya Ibn Kathir (1981), kitab *Ma'a al-Anbiya' Fil Quran* karya Fattah Tabbarah (1982) dan sebagainya. Manakala, kitab perbahasan Isra'iliyyat yang lain seperti *al-Isra'iliyyat Fi al-Tafsir Wa al-Hadith* karya Husayn al-Dhahabi (1968) dan *al-Isra'iliyyat Wa Atharuha Fi Kutub al-Tafsir* karya Ramzi Na'na'ah (1970) lebih tertumpu pada kritikan manhaj penulisan kitab-kitab tafsir berbanding kisah-kisah Isra'iliyyat. Dengan itu, manhaj yang digunakan oleh Shaykh Abu Shahbah ternyata berbeza dengan penulisan lainnya walaupun di bawah skop yang sama iaitu kisah-kisah Isra'iliyyat yang dikaitkan dengan al-Quran.

4.3 Hadith-Hadith Palsu

Menurut Shaykh Abu Shahbah (2006: 8), judul yang dicadangkan bagi karya ini ialah *al-Isra'iliyyat Fi Kutub al-Tafsir* yang bermaksud Isra'iliyyat dalam karya-karya tafsir, namun, beliau berpendapat adalah lebih baik menggabungkannya dengan hadith-hadith palsu (*al-Mawdu'at*) kerana dalam karya tafsir terdapat hadith-hadith palsu yang mendatangkan bahaya ke atas Islam dan Baginda SAW. Maka terhasillah kitab *al-Isra'iliyyat Wa al-Mawdu'at Fi Kutub al-Tafsir* yang bermaksud khabar Isra'iliyyat dan hadith palsu dalam karya-karya tafsir. Beliau menjelaskan dan memurnikan beberapa hadith palsu yang disandarkan kepada Baginda SAW. Contohnya dari kisah Sayyidatina Zainab Binti al-Jahsh r.a. yang disandarkan pada sebab penurunan ayat ke 37 dari surah al-Ahzab:

Maksudnya:

Dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan oleh Allah (dengan nikmat Islam) dan yang engkau juga telah berbuat baik kepadanya: “jangan ceraikan isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah” sambil engkau menyembunyikan dalam hatimu perkara yang Allah akan nyatakannya; dan engkau pula takut akan (cacian) manusia padahal Allah jualah yang berhak engkau takuti (melanggar perintahNya). Kemudian setelah Zayd habis kemahuannya terhadap isterinya (dengan menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan atas orang-orang yang beriman untuk berkahwin dengan isteri-isteri anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat itu telah selesai habis kemahuannya terhadap isterinya (lalu menceraikannya). Dan sememangnya perkara yang dikehendaki Allah itu tetap berlaku.

Menurut Shaykh Abu Shahbah (2006: 313), ayat ini telah dikaitkan dengan *sabab nuzul* dari hadith yang diriwayatkan oleh Qatadah dan Ibn Zayd yang dikhabarkan bahawa pada suatu hari, ketika Baginda SAW pergi ke rumah anak angkatnya iaitu Zayd r.a, angin telah menyingkap tabir sehingga menampakkan isteri Zayd iaitu Zainab dalam keadaan berhias diri maka timbul perasaan suka dalam diri Rasulullah SAW dan apabila mengetahui perkara tersebut, Zayd bertindak ingin menceraikan isteri beliau demi Rasulullah SAW.

Kisah ini telah diteliti sanadnya ternyata pembawa riwayat ini iaitu Ibn Zayd tergolong dalam kalangan pendusta (Abu Shahbah 2006: 315). Sebenarnya, ayat ini diturunkan bagi menghapuskan adat jahiliyyah yang masih diamalkan setelah kedatangan Islam iaitu adat pewarisan harta pusaka kepada anak angkat dan diharamkan berkahwin dengan isteri anak angkat, maka dengan turunnya ayat ini, Zainab telah diceraikan oleh Zayd r.a dan bernikah dengan Baginda SAW (Abu Shahbah 2006: 316-318).

Berikut ialah senarai hadith-hadith palsu yang diteliti kesahihan riwayatnya dalam karya ini:

رقم	الأحاديث موضوعة
١	فضائل السور والآيات
٢	حديث أبي بن كعب
٣	عن غير أبي بن كعب
٤	قصة الغرائيق
٥	قصة السيدة زينب بنت جحش
٦	قصة مشهور على الألسنة
٧	أثر العصبية السياسية
٨	معنى (المعدة بيت الداء و الحمية رأس الدواء)
٨	حديث أنا ابن الذبيحين
٩	تفسير شيعي
١٠	بعض القراءات الموضوعة

Sumber: Analisis Pengkaji, 2017

Penciptaan hadith palsu serta riwayatnya yang menimbulkan keraguan terhadap Islam telah dijawab oleh ramai sarjana Islam dalam karya mereka antaranya ialah Shaykh Mustafa al-Siba'i dalam *al-Sunnah Wa makanatuha Fi Tasyri' al-Islami*, Subhi al-Salih dalam *Ulum al-Hadith Wa Mustalahuhu*, Mustafa al-A'zami dalam *Dirasat Fi al-Ahadith al-Nabawiyah*, Muhammad 'Ajjaj al-Khatib dalam *al-Sunnah Qabla al-Tadwin* (Mohd. Mohiden 1997: 81). Karya Shaykh Abu Shahbah sendiri iaitu *Difa' An al-Sunnah* juga mengulas permasalahan hadith palsu dengan teliti dan mendalam serta balasan dan jawapan kepada tuduhan yang dilemparkan oleh orientalis

5. Kesimpulan

Fokus perbincangan didapati terkait dengan kepakaran seseorang dalam bidang tertentu. Shaykh Abu Shahbah digelar dengan panggilan *muhaddith*. Sesuai dengan kepakaran beliau dalam bidang ilmu hadith, beliau fokus pada menilai kesahihan sanad dan matan periwayatan kisah-kisah Isra'iliyyat dan hadith-hadith palsu. Penelitian terhadap luaran (*sanad*) dan dalaman (*matan*) sesuatu riwayat didasari dengan bahaya yang didatangkan oleh musuh-musuh Islam dari sebahagian orientalis dan pendakwah Kristian yang memalsukan yang sah serta menyebarkannya dengan menggunakan sarjana-sarjana Islam didikan mereka. Penelitian yang dilakukan oleh Shaykh Abu Shahbah ini bersifat umum bagi semua karya penulisan yang mengandungi kisah-kisah Isra'iliyyat dan hadith-hadith palsu dan khususnya pada kitab-kitab tafsir. Penelitian seperti ini mengajar para pembaca dalam kalangan pelajar mahupun pendidik kaedah menilai sesebuah riwayat yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir dan berwaspada terhadap riwayat-riwayat yang terdapat di dalam buku karya penulisan golongan orientalis mahupun pendokongnya.

Rujukan

Al-Quran

- Al-Quran. 2001. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Terj: Shaykh Abdullah Muhammad Basmeih. Ed: 12. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Abdul Basit Abdul Rahman. 2014. *Hukum Meriwayatkan dan Menyebarkan Isra'iliyyat*. video. <https://www.youtube.com/watch?v=cnMGCyEg5Uo> [1 Jun 2017].
- Abdul Qadir. Syed Abdul Rauf. t.th. *Dirasat Fi al-Tabshir Wa al-Istishraq*. Kaherah: Maktabah Rashwan.
- Abu Shahbah. 2006. *Isra'iliyyat Wa Mawdu'at Fi Kutub al-Tafsir*. Kaherah: Maktabah Sunnah Salafiah.
- Abu Shahbah. 2014. *Israiliyat Dan Hadis Palsu Dalam Kitab-Kitab Tafsir*. Terj. Hasnan Bin Kasan. Malaysia: JAKIM.
- Abu Shahbah. 2014. *Israiliyat Dan Hadits-Hadits Palsu Tafsir Al-Quran*. Terj. Mujahid Muhayan & Heni Amalia & Mukhlis Yusuf Arbi. Indonesia: Keira Publishing.
- Aizan & Mohd Yakub. Aizan Hj. Ali @ Mat Zin & Mohd Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd Yusoff. 2003. *Sejarah Amalan Sihir di Zaman Para Nabi Menurut Sumber Tafsir dan Hadith*. Jurnal Usuluddin. 18: 111-122.
- Al-'Alawanah. Ahmad. 1998. *Zil A'lam (Qomus Tarojim Asyharu Rijal Wa Nisa' Arab Al-Musta'robin Wa Mustasyriqin)*. Jeddah: Dar Al-Manarah.
- Burhan Abidi. 2013. *al-Syeikh al-'Allamah al-Duktur Abu Sadat Muhammad Abu Syahbah Rahimahullah*. <http://www.islamsyria.com/portal/cvs/show/470> [8 Mac 2016].
- Fattah Tabbarah. Afif Abdul. 1982. *Ma'a al-Anbiya' Fil Quran: Qasas wa Durus wa 'Ibrah Hayatihim*. Beirut: Dar al-Ilm Lil Malayin.
- Husayn al-Dhahabi. t.th. *Israiliyat Fi Tafsir Wa Hadis*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Ibn Kathir. Ismail bin Umar bin Kathir. 1981. *Qasas al-Quran*. Kaherah: Maktabah al-Safa.

- Ishak Sulaiman. 1998. *Isra'iliyyat Dalam Pengajian Tafsir dan Sunnah*. Jurnal Usuluddin. 1-12.
- Ibrahim Isa Saidim. t.th. *Juhud al-Mu'asirin Fi Tanqiyyat al-Tafsir*. <http://media.tafsir.net/ar/books//1386/6771.pdf> [26 Oktober 2016].
- Al-Khalidi. Solah Abdul Fattah. 2007. *Ma'a Qasas al-Sabiqin Fi al-Quran*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Mohd Mohiden. Abd Rahman. 1997. *Pandangan Orientalis Terhadap al-Hadith dan Jawapannya dari Perspektif Islam*. Jurnal Usuluddin. 5: 75-85.
- Mohd Zaydi Abdullah. 2000. *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah: Suatu Keluhuran dan Kemurnian Pegangan Hidup*. Kuala Lumpur: Syatariyyah Niagajaya.
- Mohd Asri Zainul Abidin. 2012. *Penceramah yang Mencemarkan al-Quran*. video. <http://drmaza.com/home/?p=2158> [1 Jun 2017].
- Musa'id Muslim Ali Ja'far. 1980. *Manahij al-Mufasssirin*. t.tp: Dar al-Ma'rifah.
- Mustafar Mohd Suki. 2016. *Biografi 99 Ulama Dunia (Tokoh Ilmuan Islam Tersohor Zaman Kini)*. Selangor: Karya Bestari.
- Nizar Abazah dan Muhammad Riyad al-Malih. 1999. *Itmam al-A'lam (Dhail Li Kitab al-A'lam Li Khairiddin al-Zarkali)*. Beirut: Dar Sadir.
- Nuruddin Itr. 2003. *Manhaj al-Naqd fi Ulum al-Hadith*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ramzi Na'na'ah. 1970. *Al-Israiliyyat Wa Atharuha Fi Kutub al-Tafsir*. Beirut: Dar Baidho'.
- Rosmawati Binti Ali @ Mat Zin. 2004. *Riwayat Israiliyat: Pengaruhnya dalam Manuskrip Hadith di Alam Melayu*, Tesis Dr. Fal, Jabatan Usuluddin: Universiti Malaya.
- Rozali Adam. 1985. *Al-Quran Di Antara Tafsir Dan Israiliyyat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.